

28/06/2000

Pendidikan boleh halang kesan globalisasi

KESAN globalisasi terhadap negara Islam terutama yang miskin, boleh ditangani dengan penerapan nilai pendidikan yang tinggi, kata Ketua Delegasi Unesco, Awad El Hassan.

Katanya, globalisasi bukannya perkara baru, tetapi merupakan senjata yang berkuasa.

"Kita tidak ada pilihan untuk mengecualikan diri dan hanya pendidikan adalah alat terbaik bagi membolehkan kita memahami dan mendapat faedah daripada kesan globalisasi," katanya mengulas intipati ucapan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada perasmian ICFM.

Perdana Menteri dalam ucapannya mengajak umat Islam sejagat melengkapkan diri dalam usaha menghadapi gelombang globalisasi dengan mengelak melakukan kesilapan yang pernah dilakukan sebelum ini.

Sementara itu, Ketua Delegasi Negara-negara Berkecuali, Lindiwe Mabuzza berkata masyarakat yang tidak mengetahui sejarah mereka, tentu sukar mengetahui arah tujuan seterusnya.

"Setiap negara pernah mengalami saat kejatuhannya, tetapi dengan pimpinan yang baik dan kerjasama dari pelbagai pihak termasuk rakyat, ia dapat bangun dengan segera," katanya.

Mengulas perpecahan di kalangan negara Islam, wakil delegasi Kuwait, Jassem Shahab berkata, semua pihak perlu mengadakan perbincangan untuk mencari jalan penyelesaian.

"Ia umpama dua beradik yang tinggal serumah, tentunya kadang-kala timbul perselisihan faham. Bagaimanapun, demi tali persaudaraan perbincangan perlu dilakukan bagi menjernihkan keadaan," katanya.

(END)